



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**

**KERATAN AKHBAR  
15 MEI 2019 (RABU)**



DISEDIAKAN OLEH :  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT**

AKHBAR	UTUSAN MALAYSIA
TAJUK BERITA	MBPJ PERKETAT SYARAT LESEN BAZAR RAMADAN
MUKA SURAT	47

## MPBJ perketat syarat lesen bazar Ramadan

**PETALING JAYA 14 Mei** - Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) memperketat tindakan penguatkuasaan terhadap pematuhan syarat-syarat berlesen di bazar Ramadan dengan menggunakan sistem demerit.

MBPJ dalam kenyataannya di sini berkata, sistem itu merupakan pemarkahan bagi setiap kesalahan yang dilakukan oleh penjaja seperti yang termaktub di dalam undang-undang kecil penjaja MBPJ (2007); Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 dan Perintah Pengangkutan Jalan.

Katanya, sistem demerit itu terbahagi kepada dua kategori iaitu pelanggaran syarat kritikal dan pelanggaran syarat tidak kritikal.

“Bagi pelanggaran syarat tidak kritikal akan dikenakan satu markah terhadap kesalahan seperti tidak meletakkan lesen perniagaan di tempat yang mudah dilihat, berniaga melebihi tempoh waktu diberikan atau memulakan perniagaan lebih awal daripada waktu yang ditetapkan.



**MOHD. SAYUTHI BAKAR** (dua dari kiri) memeriksa tahap kebersihan makanan peniaga di bazar Ramadan PJU 10, Petaling Jaya, Selangor semalam.

“Sementara syarat kritikal pula, dikenakan dua markah bagi setiap kesalahan seperti tidak mempunyai sijil suntikan TY2 yang sah, mengguna khidmat pekerja asing, tidak menjaga kebersihan kawasan sekitar dan tidak menutup makanan dan minuman,” katanya.

MBPJ berkata, hasil semakan bersepadu sehingga 8 Mei lalu, pihaknya merekodkan sebanyak empat kes peniaga tanpa lesen, 30 kes kesalahan tidak berniaga sendiri, 8 kes kesalahan tukar jenis jualan, 55 kes tidak menggunakan pembantu berdaftar dan 1 kes kesalahan menjual petak.

<b>AKHBAR</b>	SINAR HARIAN
<b>TAJUK BERITA</b>	JAIS ARAH 13 SEKOLAH TAHFIZ DITUTUP
<b>MUKA SURAT</b>	19

## ***JAIS arah 13 sekolah tahfiz ditutup***

**SEKINCHAN** - Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) telah mengarahkan 13 sekolah tahfiz yang tidak menepati *standard* pembinaan dan kokurikulum yang ditetapkan di sekitar Selangor ditutup.

Tindakan itu diambil bagi memastikan semua sekolah Tahfiz mematuhi standard pembinaan dan kokurikulum yang ditetapkan.

Pengarah JAIS, Datuk Haris Kasim berkata, semua tahfiz tersebut adalah sebahagian daripada 362 sekolah tahfiz swasta dan persendirian yang berdaftar di bawah JAIS.

"Sejumlah 13 pusat tahfiz diarah menghentikan operasinya dalam memastikan semua sekolah tahfiz mematuhi standard pembinaan dan kokurikulum yang telah ditetapkan demi kecemerlangan pelajar Tahfiz," katanya pada majlis terbuka puasa bersama Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah

bersama rakyat dan penyampaian sumbangan Hari Raya serta perasmian Majid Nurul Falah, Kampung Sungai Leman kelmarin.

Pada 18 Mac lalu, Sultan Sharafuddin menitahkan semua sekolah tahfiz swasta yang tidak berdaftar dengan JAIS ditutup serta ditamatkan perkhidmatannya.

Pada perkembangan lain, Haris berkata, trend perkahwinan bawah umur di Selangor dilaporkan berkurangan sejak tahun 2018 susulan penyusutan permohonan nikah yang diterima JAIS.

Katanya, pada tahun lalu JAIS menerima hanya 68 permohonan nikah berbanding tahun sebelumnya sebanyak 102 permohonan.



**HARIS**

Beliâu berkata, setakat Mei lalu sebanyak enam permohonan untuk kelulusan daripada Mahkamah Syariah.

"Ini menunjukkan masyarakat kini lebih sedar dan cakna tentang konsep perkahwinan dalam perspektif Islam.

"Di dalam prinsip maqasid syariah, jelas mengetengahkan konsep ketenangan dan berkasih sayang dalam situasi keluarga yang sejahtera dan bahagia," katanya.

Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Selangor (Pindaan 2018), Bahagian II (Perkahwinan) Seksyen 8 telah dikuatkuasakan pada 15 Mac lalu dengan menaikkan had minimum umur 16 tahun kepada 18 tahun.

AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	PENDUDUK TARIK NAFAS LEGA
MUKA SURAT	24

## Penduduk tarik nafas lega

**KLANG** – Penduduk di Klang terutamanya di sekitar Taman Perepat Indah, Taman Sentosa dan Bandar Putera 2 lega apabila bekalan air pulih sepenuhnya selepas seminggu berdepan dengan gangguan air berikutan paip utama pecah berhampiran Lebuhraya West-Coast Expressway (WCE) Banting-Taiping, Sabtu lalu.

Faizalshah Madsah, 38, berkata, dia lega apabila masalah itu akhirnya selesai.

“Hampir seminggu penduduk di Taman Perepat Indah terpaksa berulang-alik mengangkut air di pili awam.

“Seksa kami berakhir dan mungkin ini dugaan Ramadan buat kami. Harap tiada lagi kejadian seperti ini selepas ini,” katanya kepada *Sinar Harian*.

Katanya, walaupun bekalan air sudah pulih sepenuhnya, namun dia masih mengambil langkah berjaga-jaga.

“Saya masih menyimpan bekalan air yang saya tadah sebelum ini, bimbang kejadian sama berulang kembali.

“Apapun saya berterima kasih kepada pihak berkenaan kerana bertungkus-lumus menjalankan

**GANGGUAN  
BEKALAN AIR**

kerja-kerja perbaikan sehingga bekalan air pulih sepenuhnya.

“Cuma saya mengharapkan agar pihak berkaitan dapat meningkatkan lagi mutu perkhidmatan dan memperbaiki kelemahan serta kekurangan dalam menghadapi insiden bencana,” katanya.

Semalam, Ketua Jabatan Perhubungan Pelanggan dan Komunikasi Penguurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor), Abdul Raof Ahmad berkata, bekalan air yang dihadapi oleh warga Klang susulan kejadian itu kini sudah pulih sepenuhnya.

Katanya, kerja-kerja pemasangan dan pengalihan paip utama yang pecah berhampiran Lebuhraya West-Coast Expressway (WCE) Banting -Taiping, Sabtu lalu selesai petang kelmarin.



Penduduk terpaksa menadah air di pili awam berikutan kira-kira 65 kawasan di Klang menghadapi gangguan air sejak Sabtu lalu.

AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	YDP KIBAR BENDERA MDHS DI EBC
MUKA SURAT	33

## YDP kibar bendera MDHS di EBC

**KUALA KUBU BHARU** - Yang Dipertua Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS), Shukri Mohamad Hamin berjaya mengibarkan bendera MDHS di Kem Induk Everest (EBC) pada ketinggian 5,364 meter dari paras laut.

Beliau menyertai ekspedisi ke pergunungan Himalaya itu bersama isteri, Juhaida Mohd Yamin, 46, dan empat rakan lain bermula 13 hingga 27 April lalu.

Katanya, kumpulan pendaki tersebut tiba di EBC kira-kira jam 4.45 petang (waktu tempatan Nepal) selepas tujuh hari pendakian.

“Kami semua adalah rakan di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan pernah bersama-sama ke Kem Induk Annapurna (ABC) berketinggian 4,130 meter pada 2017.

“Selain minat terhadap aktiviti sukan lasak mendaki, saya membawa misi mengibarkan bendera MDHS bagi meningkatkan semangat kerja di kalangan kakitangan jabatan.

“Tiada mustahil untuk berjaya jika sesuatu perkara yang ingin kita capai dilakukan mengikut perancangan dan strategi betul selain semangat kerjasama berpasukan walaupun menem-



Shukri mengibarkan bendera MDHS sebaik tiba di EBC pada 20 April lalu.

puh pelbagai cabaran.

“Kejayaan ini memberi suntikan motivasi kepada kakitangan dalam menjalankan tanggungjawab sebagai pihak berkuasa tempatan (PBT) dan memberi perkhidmatan terbaik kepada masyarakat,” katanya.

Shukri berkata, dia dan isteri berjaya menawan tujuh puncak gunung tertinggi Semenanjung (G7) ketika dalam pengajian di universiti sama.

Menurutnya, daerah ini mempunyai pelbagai produk eko pelancongan yang menjadi tumpuan penggemar sukan lasak seperti berbasikal, mendaki gunung, water rafting, larian, luncur udara dan banyak lagi.

“MDHS turut mengambil inisiatif menganjurkan beberapa program membabitkan sukan lasak dan terbaharu acara larian ke puncak Bukit Kutu pada Julai nanti,” katanya.

AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	SELESAI SEGERA ISU BANJIR KILAT
MUKA SURAT	34

# Selesai segera isu banjir kilat

**Insiden paip pecah burukkan lagi nasib penduduk Taman Mutiara**

ARZIANA AZAMAN

BUKIT RAJA

Insiden paip pecah yang berlaku Sabtu lalu terus memberi kesan buruk terhadap lebih 80 rumah dan unit kedai di Taman Mutiara, di sini.

Dakwa penduduk, insiden itu menyebabkan tembok runtuh selain limpahan air deras merosakkan harta benda sehingga terpaksa menanggung kerugian lebih RM20,000.

Penduduk, M Devandran, 40, berkata, taman perumahan yang terletak di kawasan rendah terbabit sudah berdepan banjir kilat sejak lebih 14 tahun.

"Keadaan menjadi lebih

teruk bila paip pecah sehinggakan arus deras merobohkan tembok yang dibina pemaju.

"Air naik sampai paras 6 kaki kerana pam yang ada rosak. Air tak boleh keluar ikut saluran. Penduduk terpaksa tanggung kerugian.

"Musibah ini adalah yang paling buruk yang berlaku dan penduduk pun tak tahu nak tuntutan pampasan sebab masing-masing tuding jari," katanya selepas sesi pertemuan bersama Exco Selangor dan agensi berkaitan semalam.

Devandran berkata, isu sama pernah dibangkitkan kepada pihak berwajib bagaimanapun tiada penyelesaian konkrit.

"Diharapkan Exco yang datang hari ni dapat bantu selesaikan isu kami sebab masalah ini sudah berlarutan cukup lama.

"Banjir kilat sering berlaku disebabkan limpahan air dari lebuh raya berhampiran dan saluran perparitan pun tak sempurna,"



Devandran (kiri) menerangkan masalah yang dihadapi penduduk Taman Mutiara kepada Ir Izham dan wakil agensi berkaitan semalam.

katanya.

Seorang lagi penduduk, Teh Lee Meng, 52, menyihatkan insiden paip pecah itu musibah terburuk kerana menjejaskan harta benda dan kesihatan diri.

"Habis rosak perabot dan barangan elektrik dalam rumah dan kejadian ini meninggal trauma buat kami sekeluarga.

"Kami berharap isu ini

dapat diselesaikan dengan kerjasama orang ramai sebab menimbulkan masalah kepada penduduk," katanya.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Pemanduan Pertanian dan Industri Asas Tani, Ir Izham Hashim menjelaskan, pihaknya akan meneliti masalah ini kerana membabit-

kan banyak pihak.

"Difahamkan, kawasan taman perumahan ini rendah dan bergantung kepada pam untuk mengalirkan air keluar.

"Kejadian lebih buruk bila berlaku paip pecah yang sememangnya kejadian luar biasa malah kita tubuh jawatankuasa khas untuk siasat punca dan kajian menyeluruh.

info

Masalah banjir kilat di Taman Mutiara gagal diselesaikan sejak 14 tahun lalu

"Susah nak tuding jari siapa yang salah dalam hal ini sebab yang penting, kena pastikan kerosakan dapat dibaiki segera," katanya.

Mengulas lanjut mengenai isu banjir kilat, Ir Izham berkata, pihaknya perlu mengenal pasti tanah di kawasan terlibat untuk point sambungan untuk pam sedia ada.

"Kena pastikan tanah kosong itu milik pemaju atau kerajaan dan minta Air Selangor menilai kerosakan dan diberi pertimbangan sewajarnya.

"Isu penduduk ini diharapkan dapat diselesaikan dengan meneliti sistem perparitan.. Kena bincang dengan pemaju dan ADUN terlibat," katanya

AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	KERETA TERBIAR JADI LOKASI PEMBIAKAN NYAMUK
MUKA SURAT	

## ***Kereta terbiar jadi lokasi pembiakan nyamuk***

**PANDAN INDAH** – Sebanyak 10 buah kereta terbiar di sekitar kawasan Flat Pandan Indah dan Surau Al-Amin, Taman Kenкана, di sini, didakwa berpotensi menjadi tempat pembiakan nyamuk aedes

Bekas ADUN Chempaka, Datuk Iskandar Abdul Samad berkata, pihaknya menerima aduan daripada penduduk yang meluahkan kebimbangan

mengenai isu kes denggi di kawasan itu.

“Apabila berlaku kes demam denggi, pihak yang bertanggungjawab akan melakukan semburan fogging, namun tindakan itu mungkin sia-sia sahaja kerana kereta terbiar tersebut menjadi sarang pembiakan nyamuk Aedes.

“Saya mendapati ada kereta yang cermin belakangnya telah pecah dan

air akan masuk ketika hujan. Air yang bertakung akan menjadi tempat pembiakan nyamuk,” katanya menerusi Facebook.

Iskandar yang juga Naib Presiden Pas pernah membangkitkan kes ini tetapi beliau tidak nampak sebarang tindakan daripada pihak yang bertanggungjawab.

“Saya berharap Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ), polis, Ahli Parlimen Pandan, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail ADUN Pandan Indah Ir Izham Hashim dan Ahli Majlis MPAJ akan memberi perhatian terhadap isu ini,” katanya

Sementara itu Pegawai Komunikasi Korporat MPAJ, Norhayati Ahmad berkata, MPAJ telah mengeluarkan notis tiga hari sebelum tindakan lanjut dilaksanakan pada minggu ini.

“Tindakan tunda oleh penguatkuasa akan dilaksanakan pada minggu ini,” katanya.



**MPAJ telah mengeluarkan notis sebelum tindakan lanjut diambil.**

AKHBAR	STAR METRO
TAJUK BERITA	TIME FOR AN UPGRADE
MUKA SURAT	2,3

By SHEILA SRI PRIYA  
sheilasripriya@thestar.com.my

THE words “water cut” are dreaded by most Klang Valley folk and can cause panic.

That was what happened last month when Sungai Selangor Phase 2 Water Treatment Plant underwent upgrading.

Despite high rainfall and multiple rivers, supply reserve at water reservoirs, which stores treated water, is only 5%.

The low water reserve does not pose a problem when there is no disruption in supply, but when a water treatment plant has to be shut down for whatever reason, resumption of supply could stretch over a few days.

Bukit Gasing assemblyman Rajiv Rishyakaran said if the treated water capacity in neighbourhood water reservoirs could be increased with up to 24 hours’ supply, the public would not be as badly affected by scheduled water cuts.

He, however, said it would not be easy to increase capacity due to the high cost involved.

“The scheduled water cut in April happened not because the officers in charge were not doing their job, but because we do not have enough treated water in reserve during maintenance works.

“The repair works might be for only 12 hours, but delay in the water supply reaching the water reservoirs could be way longer, resulting in a longer time for water to reach our taps.

“One option is to have a higher capacity of treated water reserve, of at least 24 or even 48 hours,” he said.

Rajiv cited the Bukit Gasing constituency which has about 100,000 residents. On average, Malaysians use about 200l of water each day.

“When we factor in factories and shops, about 50 million litres of water are needed in the Bukit Gasing constituency each day.

“As such, we would need at least 50 million litres of treated water to last over the scheduled maintenance work of just a few hours,” he said.

He added that Putrajaya had more capacity with fewer cases of



Subang residents getting their water supply from public standpipes during the scheduled water cut last month.

# Time for an upgrade

## SPAN and state rep suggest higher capacity of treated water reserves to last 24 to 48 hours

water shortage because it was a newer development. It has a large treated-water reservoir with over 24 hours of reserve.

Petaling Jaya, Subang Jaya and most parts of the country do not have such large reserves.

National Water Services Commission (SPAN) chairman Charles Santiágo acknowledged that the water reserve in Selangor was not high.

“Selangor is not in a comfortable position,” he said.

### Increasing water tariff

Rajiv said better facilities would require more funding and the public must decide if they were willing to pay for it.

“Most residents would not feel the pinch if they were to pay even an extra 20% for water in

Selangor. The poorest 10% would continue to receive help.

“At the moment, Selangor’s 20cu m of free water is worth RM11.

“If most households were to start paying this amount, it would not affect their monthly budget,” said Rajiv.

Federation of Malaysian Consumers Associations (Fomca) chief operating officer Saravanan Thambirajah said the association supported increasing the water tariff.

This would enable the old pipes and other outdated equipment to be upgraded, he said.

“Companies involved in the whole process of supplying treated water in this country are not making money. They are operating at a loss and cannot cope with operational costs.

“We support a water tariff increase for the general public but the B40 group should still get exemption,” said Saravanan.

Santiágo said households that could afford it, should pay for water consumption.

“We need to give support to those who are vulnerable.

“But for the rest, if they use one drop of water more than 20cu m, they should be made to pay the full bill inclusive of the first 20cu m.

“Free water will still be available but people will appreciate and conserve water better by paying,” he said.

### Better water connections

Rajiv said another way to improve water resilience was through the alternative piping method.



AKHBAR	STAR METRO
TAJUK BERITA	TIME FOR AN UPGRADE
MUKA SURAT	2,3

In older townships, water pipes are linked from one neighbourhood to another.

"Hence, when there is a pipe burst, all connected neighbourhoods will experience water cut.

"We could instead have alternative or multiple pipes connecting each neighbourhood directly to the water reservoir.

"However, it will cost about RM1mil to instal 1km of pipes," said Rajiv.

He pointed out that public-listed utility provider Tenaga Nasional Bhd (TNB) was able to upgrade its facilities to improve services because it was profitable.

"If we want a resilient water system, we must be willing to invest in it. It may not be all that painful to pay an extra RM11 a month, but it will be more distressing when there is no water," he reasoned.

He said there should also be greater transparency on how money was spent by bodies such as Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd.

"Their accounts must be available online for public scrutiny, especially by the Public Accounts Committee so that there is no wastage of expenditure," he added.

Saravanan agreed that more pipelines were needed for greater connection.

“River pollution has a negative impact on aquatic life, such as fish and prawns. We need a comprehensive river-saving mechanism.”

Charles Santiago



“If we want a resilient system, we must be willing to invest in it because it will be more distressing if there is no water.”

R. Rajiv



"This is so that if we have a problem at the Semenyih dam, at least the one in Kuala Selangor can be tapped," he said.

### Tackling river pollution

Santiago said a bigger issue was curbing river pollution.

He said this was the main reason water treatment plants were shut down for cleaning.

Recently, the Air Ganda water treatment plant in Perak had to be closed due to suspected arsenic contamination.

"There was exposure of ammonia in Melaka and Simpang Renggam, Johor.

"People are treating rivers as dumping ground and companies are also polluting waterways.

"This pollution is having a negative impact on aquatic life such as fish and prawns.

"Now we find heavy metals in treated drinking water. We need a comprehensive river-saving mechanism," said Santiago.

He said river pollution would impact the public negatively if not addressed.

"State governments must pay attention to this because raw water comes under their purview.

"The relevant agencies must analyse samples of river water so we

know the true situation and draw up appropriate policies accordingly.

"They need to increase the frequency of such random tests, especially in areas with serious pollution," added Santiago.

He said water wastage could be identified faster with the help of locals, such as was the practice in Bangladesh.

"As soon as the local community notices a leak, they will inform the authorities. "Because of this, they are able to reduce non-revenue water by 10%," he noted

In Kedah, SPAN is planning to appoint friends of the river to address pollution.

"There are technologies which are available but some may be too costly," noted Santiago.

He also urged companies to embrace technology such as rainwater harvesting to ensure water was utilised better.



Klang residents filling up water from tankers during the latest water cut in the Klang Valley. — Filepic



Upgrading works at the Sungai Selangor Phase Two Water Treatment Plant led to the scheduled water cut last month. — Filepic

AKHBAR	STAR METRO
TAJUK BERITA	DEMERIT SYSTEM FOR BAZAARS TOO
MUKA SURAT	4

# Demerit system for bazaars too

## Ramadan traders who fail to comply may have their licences revoked

PETALING Jaya City Council (MBPJ) is expanding its demerit system to Ramadan bazaar traders to ensure they comply with licensing conditions.

The point-based system covers critical and non-critical violations of rules and regulations including the Hawker (MBPJ) 2007 By-law and the Street, Drainage and Building Act 1974.

“Each violation of a non-critical condition carries one point while critical ones are two points,” MBPJ said in a statement.

When a trader accumulates 20 points, the first notice will be issued. Those with 40 points will be issued a warning. Business licences could possibly be revoked for those with 50 demerit points.

Non-critical violations include failure to display business licences prominently, trading earlier or later than the approved

operating hours as well as failure to wear aprons and proper footwear.

Violations of critical conditions include not having a valid TY2 injection certificate, employing foreign workers, not taking care of cleanliness in the surrounding area, failing to take steps to prevent insects and pests, not covering food and drinks as well as using water other than from the public water supply.

“Infractions like sub-letting the stalls, handling food with an open wound/peeling skin, constructing permanent structures at the site, not operating in the plots specified in the licence and not using biodegradable packaging materials also fall under critical conditions,” the statement read.

As of May 8, letters were issued to traders for various offences, including operating without a business licence (four cases), sub-



Ramadan bazaar traders under MBPJ are now subject to a demerit system with points accumulated for non-compliance with licensing conditions.

letting their stalls (30), changing the specified type of goods sold (eight), not using registered assistants (55) and selling of lots (one).

During an operation from May 6 to 8, MBPJ issued 163 compounds, 186 notices and carried out three confiscations for various offences.

On a separate matter, MBPJ said the use of the thumbprint system for issuing and renewing business licences, which was implemented in October last year, would help them monitor traders.

Business owners are required to be

present at the city council to register or renew their business licences. The transaction will be confirmed with the thumbprint of the business owner.

“The method allows MBPJ to monitor and impose action against traders who misuse their licences,” said the statement.

To date, MBPJ has issued 19,192 licences using the thumbprint system.

About 3,283 applicants with faulty MyKac or difficulty in scanning their thumbprints had their details recorded manually.

— By **SHALINI RAVINDRAN**



AKHBAR	STAR METRO
TAJUK BERITA	NEW PIPELINE MARKS RESUMPTION OF WATER SUPPLY IN KLANG
MUKA SURAT	4

# New pipeline marks resumption of water supply in Klang

THE successful installation of a new pipeline along the Banting-Taiping West Coast Expressway (WCE) marks an end to over a week of dry taps for some Klang folk.

Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd Customer Relations and Communications

Department head Abdul Raof Ahmad said the new pipeline is a permanent solution for customers whose supply comes from the Lipat Kajang Reservoir.

“The installation has also increased the capacity of treated water to affected areas,”

he said in a statement.

The new installation was completed at 3pm on Monday with Air Selangor employees and its appointed contractors working round-the-clock to restore water supply after three pipes burst along the WCE on May 4.

Raof also apologised to affected customers for the water cut and not being able to deliver on promises to resume supply on the dates initially announced.

He explained that damage from the three main pipes measuring 1,400mm, 900mm and 600mm at the Klang stretch of the expressway caused 65 areas to suffer water

cuts on May 4.

Soil movement caused part of the road to sink and some parts of the retaining wall to crack, which dislocated the pipes and caused extensive leaks.

During repair works, leaks springing from other locations on the main pipeline and landslips caused further delays.

As many as 175,036 account holders were affected by the sudden water cut.

National Water Services Commission (SPAN) chairman Charles Santiago urged the Works Ministry to look into the structural integrity of the construction.

— **By GRACE CHEN**

 **brabantia**

CELEBRATE  
**100**  
YEARS